

**Anwar peralat penyokong Pas  
Utusan Online  
01 April, 2012  
Oleh YULPISMAN ASLI**

KOTA BHARU 31 Mac - Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat terus memeralatkan ahli dan penyokong Pas di Kelantan bagi mencapai cita-citanya untuk menjadi Perdana Menteri sekiranya pembangkang menang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang.

Tindakan itu dapat dilihat apabila Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) tersebut mahu rakyat Kelantan memastikan pembangkang menyapu bersih kerusi Parlimen di negeri ini pada pilihan raya umum akan datang bagi menjamin kemenangan, sekali gus impiannya untuk menjadi Perdana Menteri tercapai.

Dalam ceramah perdana dan solat hajat bertema *Putrajaya bermula di sini* di Padang Perdana dekat sini malam tadi, Ahli Parlimen Permatang Pauh itu sekali lagi menabur pelbagai janji manis termasuk menghapuskan tol, menurunkan harga minyak, tarif elektrik dan pendidikan percuma untuk golongan miskin jika pembangkang memerintah.

Ceramah itu turut dihadiri oleh Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat; Timbalan Presiden Pas, Mohamad Sabu dan Timbalan Pengerusi DAP, Dr. Tan Seng Giaw.

Ceramah itu juga mencipta sejarah apabila buat kali pertama dalam tempoh lebih 20 tahun pemerintahan Pas, bendera DAP, parti yang menentang pelaksanaan hukum hudud dan negara Islam Pas, berkibar megah sebaris dengan bendera Pas dan PKR sekitar Jalan Mahmood di sini.

Dalam ceramah itu juga, Anwar seperti selalu kerap menghentam kerajaan, pada masa sama mengagung-agungkan kerajaan Turki pimpinan Perdana Menteri, Recep Thayyib Erdogan yang disifatkannya 'kawan kita' kerana didakwa mampu memberikan pendidikan percuma kepada rakyatnya walaupun tidak mempunyai hasil berbilion ringgit daripada minyak.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0401&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0401&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm)